

23 MAY 2000

PBB-Forum

JEPUN PUJI MALAYSIA KERANA PROGRAM PEMBANGUNAN MANUSIA

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Malaysia telah melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti manusia yang sangat baik bagi negara lain termasuk Afrika, dan berhak mendapat pengiktirafan yang tinggi daripada masyarakat antarabangsa.

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Luar Jepun bagi Biro Hal Ehwal Timur Tengah dan Afrika, Yasuaki Nogawa hari ini berkata pengalaman Malaysia adalah satu contoh kepada pembangunan yang menggalakkan di dalam kerjasama Asia-Afrika di dalam pelbagai bidang sejak kebelakangan ini.

Bagi pihak Afrika, sebagai contoh, segi tiga pertumbuhan yang mencakupi Zambia, Malawi dan Mozambique kini sedang meninjau ke arah Asia, katanya.

"Jepun menyambut baik semua pembangunan positif ini di antara kedua-dua rantau dan percaya bahawa adalah penting untuk menghubungkan usaha-usaha ini, selain berusaha meningkatkan lagi kerjasama itu," katanya pada Forum Asia-Afrika, di sini.

Forum itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia mahu mengkaji semula pencapaian yang dibuat setakat ini daripada segi kerjasama di antara negara-negara di Selatan.

Forum itu dijangka meluluskan satu "kenyataan milenium baru" bagi kerjasama Asia-Afrika selain tambahan kepada kenyataan itu.

Tambahan kepada kenyataan itu akan mengandungi syor-syor untuk meningkatkan lagi mekanisme bagi memaklumkan di antara satu sama lain mengenai peluang-peluang bagi kerjasama, mengukuhkan rangkaian di antara institusi dan individu dan mempercepatkan pemindahan teknologi dari Asia ke Afrika terutama di dalam teknologi maklumat.

Nogawa berkata Jepun bercadang untuk membantu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu membangunkan satu program pembangunan kapasiti manusia bagi menggalakkan perkongsian pengalaman di kalangan negara Asia dan Afrika terutama di dalam sektor pertanian dan swasta.

Program ini diberi nama "Sukarelawan PBB TICAD" dan sebanyak AS\$1.2 juta (RM4.56 juta) akan dibelanjakan pada tahun pertama pelaksanaannya. Di bawah program ini pakar-pakar dari Asia di dalam bidang berkenaan akan dihantar ke Afrika untuk berkongsi pengalaman mereka.

Ticad adalah nama singkatan untuk Persidangan Antarabangsa Tokyo mengenai Pembangunan Afrika. Froum Asia-Afrika itu adalah merupakan sebahagian daripada Ticad yang merupakan satu proses di dalam bentuk aktiviti susulan dan membabitkan satu dialog di antara pegawai tinggi dari Asia dan Afrika mengenai cara untuk memperkukuhkan kerjasama di antara kedua-dua rantau.

-- BERNAMA

ARA AHH AKD